



"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

# ASPIRASI

Edisi 3 / 2024



ANGGOTA LEMBAGA SESI 2024/2025

## MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-43 KPF





# MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-43 KPF

**KUALA LUMPUR, 11 Julai 2024** – Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-43 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah dirasmikan oleh Pengerusi FELDA, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Mesyuarat agung tahunan ini telah menghimpunkan seramai 1,404 perwakilan dari seluruh negara dan mengandungi 11 agenda penting yang dibincangkan oleh para perwakilan, merangkumi pelbagai aspek yang akan memberi impak kepada masa depan KPF dan anggotanya yang berjumlah kira-kira 255,000 orang.

Seluruh warga kerja KPF mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek atas kesudian hadir merasmikan MAPT KPF pada tahun ini. Keberadaan Dato' Sri adalah satu penghormatan besar dan bukti sokongan kuat terhadap KPF.





# D'MART SEGI FRESH CERMINAN KEKUKUHAN KPF, FELDA

“

D'Mart Segi Fresh sedang giat mengaktifkan rangkaian kedai runcit di rancangan FELDA terpilih di seluruh negara, serta merancang mengadakan jelajah promosi untuk memperluaskan jangkauan dan memperkenalkan produk kepada lebih ramai peneroka dan komuniti setempat.

”

**Pengerusi FELDA** – Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek



**GUA MUSANG, 16 Ogos 2024** – Pengerusi FELDA, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek menyatakan bahawa kebangkitan KPF Trading melalui D'Mart Segi Fresh adalah cerminan kekuahan KPF dan FELDA.

Beliau menambah bahawa D'Mart Segi Fresh sedang giat mengaktifkan rangkaian kedai runcit di rancangan FELDA terpilih di seluruh negara, serta merancang mengadakan jelajah promosi untuk memperluaskan jangkauan dan memperkenalkan produk kepada lebih ramai peneroka dan komuniti setempat.

Kenyataan ini dibuat semasa YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery ditemuramah ketika berkunjung ke reruai D'Mart Segi Fresh sempena Mini Karnival Segalanya FELDA di Felda Perasu.





# MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH, HARGAI JASA MANTAN ANGGOTA LEMBAGA

**HOTEL TENERA, 24 Julai 2024** – KPF telah mengadakan Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih bagi meraikan 3 mantan anggota Lembaga KPF yang telah tamat tugas mereka.

Majlis ini diadakan khusus untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan serta jasa Anggota Lembaga yang telah berkhidmat dengan dedikasi dan komitmen tinggi sepanjang sesi 2023/2024.

Seluruh warga kerja dan pengurusan KPF mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Mulia Puan Raja Faridah Raja Ahmad, Encik Razuwan Che Rose, YBhg. Datuk Khamis Mohamed Som dan Encik Zaid Sidek.





# SESI TOWNHALL KPF: HALA TUJU DAN PENGIFTIRAFAN KHIDMAT SETIA



“

Seluruh barisan Anggota Lembaga dan pengurusan akan berusaha menyantuni pemegang taruh dengan cara terbaik.

**Pengerusi KPF – Dato’ Mohd Banuri Aris**

”

**KUALA LUMPUR, 20 Ogos 2024** – Sesi Townhall Kumpulan Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Merak Kayangan, Balai Felda.

YBhg. Dato’ Mohd Banuri Aris menegaskan pentingnya memperkuuh asas perniagaan KPF dan meneroka peluang-peluang baharu demi memastikan KPF terus maju dan kekal relevan dalam industri koperasi. Beliau juga menekankan bahawa inisiatif ini adalah langkah penting bagi mengukuhkan kedudukan KPF serta meningkatkan kepercayaan anggota terhadap koperasi.

Tambah beliau, seluruh barisan Anggota Lembaga dan pengurusan akan berusaha menyantuni pemegang taruh dengan cara terbaik. KPF bertekad untuk mengembalikan keyakinan pemegang taruh yang sentiasa mengharapkan pulangan dividen yang terbaik daripada koperasi.



@kpfrasmi



www.kpf.my



# LAWATAN KERJA TIMBALAN PENGARAH BESAR PEMBANGUNAN KOMUNITI FELDA KE PROJEK PEMBANGUNAN PENEROKA (PPP) BUKIT ROKAN



Encik Khairul Hazry Maharani, Ketua Jabatan Pelaburan Korporat KPF, sedang memberikan penerangan kepada Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA merangkap Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris.

“

Aktiviti PPP di Bukit Rokan ini bukan sahaja dapat membantu menyediakan peluang pekerjaan kepada warga FELDA, malah turut menjana pendapatan mereka melalui aktiviti pertanian yang dijalankan.

”

**BUKIT ROKAN, 19 September 2024** – KPF menyambut baik kehadiran delegasi pengurusan FELDA dalam satu sesi lawatan kerja oleh Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA merangkap Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, ke Projek Pembangunan Peneroka (PPP) FELDA Bukit Rokan yang dikendalikan oleh Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF).





# PROGRAM ZIARAH KASIH PENEROKA DAN PENEROKAWATI GENERASI PERTAMA BUKIT ROKAN

**BUKIT ROKAN, 19 September 2024** – Dalam rangka lawatan kerja ke FELDA Bukit Rokan, satu program kebajikan dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ziarah Kasih turut dianjurkan bagi menziarahi peneroka dan penerokawati generasi pertama.

Program ini bertujuan untuk memperlihatkan keprihatinan pihak FELDA, Yayasan Felda dan KPF terhadap kebajikan warga peneroka, khususnya mereka yang sedang menghadapi masalah kesihatan.

Antara yang diziarahi ialah Tuan Razak bin Mohd Daud, seorang peneroka generasi pertama yang kini berusia 87 tahun dan menghidap penyakit kronik prostat. Selain itu, Puan Rokayah binti Main, seorang penerokawati generasi pertama, turut menerima kunjungan. Beliau sedang menghadapi cabaran besar dalam hidupnya apabila disahkan menghidap kanser limfoma.

Ziarah ini sedikit sebanyak membawa harapan dan sokongan moral kepada beliau dan keluarga dalam menghadapi kesulitan yang dihadapi.

Sebagai tanda keprihatinan dan sokongan, bantuan kewangan serta bakul makanan telah disampaikan kepada kedua-dua peneroka ini. Seluruh warga FELDA, Yayasan Felda dan KPF mendoakan agar Tuan Razak dan Puan Rokayah diberikan kesembuhan dan kesejahteraan, serta semoga keluarga mereka terus tabah menghadapi cabaran.





## *Tahniah*

ANGGOTA LEMBAGA SESI 2024/2025  
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD



Dari kiri : YBrs. Dr. Mohd Faisal Mustaffa, YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad, Encik Hasrin Ismail, Encik Samsudin Othman, Encik Mohd Helmi Fakhzan Abd Wahab (Setiausaha), YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris (Pengerusi), Puan Siti Zaroha Nasharuddin (Bendahari), YBhg. Dato' Zakaria Arshad, YBhg. Dato' Muhamad Rizal Abdul Rahim, Encik Sulong Jamil Mohamed Shariff, YBhg. Dato' Ramli Ismail dan Encik Hasbullah Muhammad.



# Simfoni Warna MAPT43





## *Simfoni Warna* **ANUGERAH KHIDMAT SETIA & SAMBUTAN MERDEKA**



Acara kemuncak pada sesi Townhall adalah penyampaian Anugerah Khidmat Setia kepada petugas Kumpulan KPF yang telah berkhidmat selama 10 hingga 40 tahun. Pengiktirafan ini adalah tanda penghargaan KPF terhadap dedikasi dan sumbangan besar para petugas sepanjang tempoh perkhidmatan mereka, yang telah menjadi nadi kepada kejayaan koperasi ini.





# KPF TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PENGERUSI KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA



**KUALA LUMPUR, 7 Ogos 2024** – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) hari ini menerima kunjungan hormat daripada Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFB) yang diketuai oleh Pengurusinya, YBhg. Dato' Sabari Misra.

Dalam sesi kunjungan tersebut, delegasi KPFB telah disambut mesra oleh Pengurus KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, YBrs. Puan Sakinah Salleh, bersama YBrs. Encik Zaffary Ab Rashid, Pengarah Eksekutif Pelaburan & Perniagaan serta barisan pengurusan KPF.

Kunjungan ini diadakan secara santai sebagai sesi pertemuan bersama pengurus baharu KPF dan secara langsung mengukuhkan hubungan serta kerjasama strategik antara kedua-dua koperasi yang memainkan peranan penting dalam sektor pembangunan dan kesejahteraan ekonomi luar bandar.





## MAJLIS PERASMIAN D'MART SEGI FRESH SG. KOYAN 01

**RAUB, 24 OGOS 2024** – Perasmian cawangan D'mart Segi Fresh ke-15 iaitu D'Mart Segi Fresh Sg Koyan 01, Raub, Pahang Darul Makmur telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Muhammad Rizal Abdul Rahim, Anggota Lembaga Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad.

Bersempena perasmian tersebut, Program Jualan Rahmah MADANI turut diadakan selama 2 hari berturut-turut iaitu dari 24 Ogos sehingga 25 Ogos 2024. Dalam majlis yang sama, golongan asnaf yang terpilih turut diraikan dengan penyampaian sedikit sumbangan.



## PEMBUKAAN RASMI D'MART SEGI FRESH CAWANGAN KE-17 DI FELDA CHINI 05



**FELDA CHINI 05, 21 September 2024** – Majlis perasmian D'Mart Segi Fresh Cawangan Chini 05, iaitu cawangan ke-17 rangkaian D'Mart Segi Fresh, telah dirasmikan oleh YBhg. Dr. Mohd Faisal Mustaffa, Anggota Lembaga KPF. Ini merupakan simbol kejayaan usaha sama yang bertujuan mengembalikan D'Mart kepada landasan operasi yang lebih baik, berdaya saing, dan mampan.

Pembukaan semula D'Mart Segi Fresh dengan tagline "Legasi Warisan Gemilang" adalah langkah penting KPF dalam memperkuuhkan perniagaan runcit, memberi manfaat kepada KPF dan warga FELDA di Chini 05, yang majoritinya adalah anggota KPF.



# TAKLIMAT KPF SEMPENA PROGRAM SANTUNI MADANI DI FELDA TELOI KANAN



**FELDA TELOI KANAN, 27 September 2024** – FELDA Teloi Kanan menjadi tuan rumah Program Santuni MADANI “Pemimpin Bersama Komuniti” Wilayah Alor Setar pada 26-27 September 2024, di mana pemimpin dan komuniti berinteraksi secara langsung untuk mendengar serta memberi maklum balas terhadap isu setempat.

KPF mengambil peluang ini untuk menyampaikan taklimat mengenai peranan dan inisiatif Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) yang memastikan kebajikan anggota terus terjaga melalui pelbagai program bermanfaat. Taklimat telah disampaikan oleh YBrs. Encik Anuar Hasan, Ketua Pentadbiran dan Perkhidmatan KPF.

Perasmian penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohd Helmi Fakhzan Abd Wahab, Pengarah Pembangunan Komuniti dan Generasi FELDA.





# KPF HADIRI SESI PENCAPAIAN PERLADANGAN SETENGAH TAHUN 2024

Teks disediakan oleh  
Mohd Shah Rezza Yahya, Ketua Jabatan Perladangan KPF



**SUNGKAI, 6 Ogos 2024** – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah memenuhi undangan Pengarah Perladangan FELDA untuk menghadiri Sesi Pencapaian Perladangan Setengah Tahun 2024, yang diadakan di FELDA Residence Hot Springs, Sungkai, Perak. Majlis ini bertujuan untuk menilai prestasi dan hala tuju perladangan bagi separuh tahun pertama 2024.

Dalam sesi tersebut, KPF telah membentangkan prestasi semasa dalam aktiviti membeli, menjual, dan mengalih Buah Tandan Segar (BTS) serta kutipan hutang peneroka di rancangan-rancangan FELDA yang terlibat. KPF juga menerangkan rancangan pengembangan aktiviti ini ke wilayah-wilayah FELDA dan rancangan-rancangan lain yang berpotensi untuk penglibatan koperasi dalam bidang tersebut.

Pembentangan ini telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF, YBrs. Puan Sakinah Salleh kepada Timbalan-Timbalan Pengarah Wilayah, Pegawai Pertanian Wilayah, serta pegawai dari Jabatan Perladangan FELDA.





## KURSUS KHIDMAT PELANGGAN PETUGAS AR-RAHNU ZON SELATAN 1

**JOHOR BAHRU, 2-3 Ogos 2024** – Tahniah kepada 14 orang petugas baharu Ar-Rahn kumpulan 5 bagi cawangan Ar-Rahn Segamat, Ar-Rahn Batu Pahat, Ar-Rahn Kota Tinggi, Ar-Rahn Bandar Baru Uda dan Ar-Rahn Larkin yang telah mengikuti Kursus Khidmat Pelanggan Petugas Ar-Rahn yang telah diadakan selama dua hari di Berjaya Waterfront Johor Bahru, Johor.

Kursus anjuran Seksyen Latihan Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia ini diadakan bertujuan meningkatkan kemahiran petugas dalam menguruskan pelanggan di jabatan masing-masing dalam menawarkan perkhidmatan secara berkesan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan.

Taklimat pengenalan dan suai kenal adalah YBrs. Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF.



The collage consists of several newspaper and online news article snippets, all centered around the topic of KPF (Koperasi Permodalan Felda) and its financial restructuring.

- Sinar Harian**: Headline: "DMart Segi Fresh cerminan kekuahan KPF, Felda". Article discusses the opening of a new supermarket branch.
- Kosmo!**: Headline: "KPF sedang laksanakan pelan penstrukturkan semula aset bernilai RM4 billion". Article details the ongoing asset restructuring plan.
- m'sia MERITA**: Headline: "Lembaga dan pengurusan KPF perkemas tadbir urus, tingkat kecekapan dan jaga kebijakan peneroka". Article highlights internal improvements at KPF.
- FMT**: Headline: "Isu jualan saham KPF selesai dalam 6 hingga 9 bulan, janin". Article about the completion of the share sale process.
- BH ONLINE**: Headline: "KPF mahu jual saham minoriti dalam 10 syarikat milik FGV". Article about KPF's intention to sell minority shares in 10 FGV companies.
- m'sia MERITA**: Headline: "KPF agih dividen lima peratus kepada 255,000 anggota koperasi". Article about the distribution of a 5% dividend to 255,000 members.
- m'sia MERITA**: Headline: "Laksana pelan penstrukturkan semula aset RM4 billion, KPF tangani isu jualan saham anggota dalam masa 6 ke 9 bulan". Article summarizing the restructuring plan and share sale timeline.
- malaysia kini**: Headline: "Berikan kami 6 bulan, KPF bukan koperasi berpenyakit - Shabery". Article featuring a quote from Shabery Cheah.

# Jom Makan Malam di RESTORAN SERI KUNYIT

Bermula 9 Oktober 2024, 4 Petang - 10 Malam

## LONDON BREADED CHICKEN



**RM 19.80**  
PROMOSI SEHINGGA 31.10.24

## MOROCCAN FISH & CHIP



## 4 PILIHAN MENU SAMPINGAN



**TENERA**

# Makan Hidang

AYAM GORENG BERLAU  
NASI MASAK LEMAK KUNYIT  
ONDE-ONDE  
SUP LAKSA PATTI

PROMOTION PERIOD: JULY - SEPT 2024

START FROM **RM 88+** FOR 2 PERSONS

Saffron Brasserie LEVEL 2

PERBAHARUI INSURANS BERSAMA MAIKLIQ

Agensi Insurans

## PERCUMA KEMALANGAN DIRI

Jumlah pampasan

TakafulMalaysia	IKHLAS
<b>RM 15,000</b> (Setiap Penumpang)	<b>RM 10,000</b> (Peserta)

\*Hanya untuk perlindungan komprehensif atau first party sahaja

maikliq.my

f maikliq

D'Mart Segi Fresh Kad Member

DAFTAR MEMBER PERCUMA

**LEBIH JIMAT, LEBIH GANJARAN**  
Semestinya Berbaloi!

**KUMPUL MATA GANJARAN RM 1=1 MATA GANJARAN**

KEAHLIAN PERCUMA	HARGA MEMBER	PROMOSI EKSKLUSIF
TEBUS BAUCAR <b>1,500 = RM 5</b> MATA GANJARAN	TEBUS KOLEKSI EKSKLUSIF JIMAT SEHINGGA <b>80%</b>	MAKLUMAT TERKINI PROMOSI & AKTIVITI

\*Tertakluk kepada terma & syarat.

TERBITAN:

